



# KENYATAAN KENYATAAN PRA KELAYAKAN

(KONTRAKTOR BUMIPUTERA SAHAJA)

**CADANGAN PEMBANGUNAN (REKA DAN BINA) 'QURAN VILLAGE' (FASA 1) YANG MENGANDUNGI MASJID KARIAH DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI ATAS SEBAHAGIAN PT 9112, PRESINT 14, PUTRAJAYA. (NO.PRA KELAYAKAN: PPJ/PRE-Q/JR/1/2023)**

- Tender adalah dipelawa kepada **Kontraktor-kontraktor Bumiputera** yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) di bawah kod bidang dan pengkhususan yang berkaitan (serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini) serta mempunyai pengalaman, keupayaan teknikal dan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan projek tersebut.
- Maklumat Tender serta kelayakan asas Kontraktor/Syarikat adalah seperti berikut:

SYARAT MEMASUKI TENDER	KEUPAYAN KEWANGAN : 'NETT WORTH'/ MODAL PUSINGAN/ MODAL MUDAH CAIR	KEUPAYAAN TEKNIKAL : NILAI TAHUNAN KESELURUHAN (NTK) KERJA SERUPA	TARIKH & TEMPAT TAKLIMAT	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN, BENTUK BAYARAN & BAYARAN ATAS NAMA	TARIKH, WAKTU & TEMPAT TENDER TUTUP
<b>CIDB Gred G7</b>  <b>Kategori B, Pengkhususan B04</b>  <b>DAN</b>  <b>Kategori CE, Pengkhususan CE21</b>	'Nett Worth' Melebihi <b>RM5,200,000.00</b>  atau  <b>Modal Pusingan Melebihi RM2,600,000.00</b>  atau  <b>Modal Mudah Cair Melebihi RM780,000.00</b>	Melebihi <b>RM7,800,000.00</b> Kerja Serupa dalam Tempoh 5 Tahun Lepas	<b>14 April 2023 (Jumaat)</b>  <b>9.30 Pagi</b>  <b>Bilik Cemara, Aras 5, Blok C, Perbadanan Putrajaya, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya</b>	<b>14 April 2023 (Jumaat)</b>  <b>Sehingga</b>  <b>27 April 2023 (Khamis)</b>  <b>Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya</b>	<b>Ringgit Malaysia (RM 50.00 ) (Tidak dikembalikan)</b>  <b>Tunai / Deraf Bank</b>  <b>Perbadanan Putrajaya</b>	<b>11 Mei 2023 (Khamis)</b>  <b>12.00 Tengahari</b>  <b>Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya</b>

### 3. Syarat memasuki tender

#### A) Pendaftaran Kontraktor

- Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang sah dengan Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) atau Sijil Pusat Pendaftaran Kontraktor-Kontraktor Kerja, Bekalan Dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) atau Sijil Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding Sarawak (UPKJ).
- Mempunyai Sijil Taraf Bumiputera (STB) yang sah dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) .
- Petender dikehendaki untuk mengemukakan Salinan Sijil SCORE dari LPIPM yang masih sah pada Tarikh Tutup Tender (tidak lebih satu (1) tahun dari tarikh sijil dikeluarkan) dengan minimum dua (2) bintang.
- Kontraktor berdaftar yang telah digantung oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) dari menyertai tender, **TIDAK LAYAK** untuk menyertai Pra Kelayakan ini.
- Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) hendaklah masih berkuat kuasa sekurang-kurangnya melebihi 3 bulan dari tarikh tutup Pra Kelayakan.

#### B) Keupayaan Teknikal

##### 1) Prestasi Kerja Semasa

- Tiada rekod projek sakit ; dan
- Tiada rekod tidak memuaskan dari segi tempoh siap dan kualiti kerja dalam tempoh lima (5) tahun yang lepas.

##### 2) Pengalaman Kerja

- Mempunyai pengalaman kerja yang serupa dalam tempoh lima (5) tahun terdahulu; serta
- Berpengalaman sebagai Kontraktor Utama/Subkontraktor serta melaksanakan dan menyiapkan projek Kerajaan ; dan
- Nilai Tahunan Keseluruhan (NTK) Kerja Serupa yang telah dilaksanakan dengan jayanya dalam tempoh lima (5) tahun lepas **melebihi RM7,800,000.00**.

#### C) Perunding Kontraktor

Kontraktor dikehendaki melantik perunding-perunding yang bertauliah dan merupakan perunding bebas (*independent and not inhouse consultants*) seperti berikut:

- Berdaftar dengan Lembaga Profesional yang berkenaan.
- Berdaftar dengan Kementerian Kewangan

- Dokumen Meja Tender Pra Kelayakan boleh disemak dan dokumen Pra Kelayakan boleh diperolehi di pejabat tersebut pada waktu pejabat.
- Taklimat Pra Kelayakan akan diadakan pada jam **9.30 Pagi, 14 April 2023** bersamaan hari **Jumaat**, di **Bilik Cemara, Aras 5, Blok C, Perbadanan Putrajaya, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya**. Kehadiran **PEMILIK SYARIKAT (SEBAGAIMANA NAMA DALAM SIJIL SSM / BORANG 9, 24 & 49) adalah DIWAJIBKAN** (Sila bawa bersama Sijil Asal dan Cap Syarikat) dan Dokumen Pra Kelayakan hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor/Syarikat yang menghadiri taklimat dan lawatan tapak tersebut.
- Dokumen Pra Kelayakan hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil Kontraktor / Syarikat yang sah sahaja dimana wakil-wakil Kontraktor / Syarikat adalah **DIWAJIBKAN** untuk membawa **surat perwakilan kuasa** yang ditandatangani oleh pemilik syarikat. Wakil-wakil Kontraktor / Syarikat juga hendaklah membawa dokumen-dokumen **asal dan satu (1) salinan Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), dan Sijil Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)**. (Salinan Sijil-sijil Pendaftaran PKK boleh diterima jika disahkan oleh Pengarah PKK).
- Tender Pra Kelayakan ini akan tutup pada **11 Mei 2023** bersamaan hari **Khamis, jam 12.00 tengah hari**. Dokumen Pra Kelayakan yang dilengkapkan dan dimasukkan ke dalam sampul berlakri serta bertanda dengan tajuk projek, hendaklah dikemukakan ke alamat seperti di bawah :

**Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga,  
Aras 3, Bangunan Annexe  
Kompleks Perbadanan Putrajaya,  
24, Persiaran Perdana,  
Presint 3,  
62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya**

- Petender hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan tender ini. Pembayaran secara cek persendirian untuk pembelian Dokumen Pra Kelayakan tidak akan diterima. Bayaran Dokumen Pra Kelayakan tidak akan dikembalikan. Kontraktor /wakil yang berurusan di kaunter jualan tender/sebut harga dikehendaki mematuhi S.O.P yang telah ditetapkan.